

# Nur Zureyha juarai Pertandingan Karaoke Terbuka KAMUS UPMKB

**BINTULU:** Nur Zureyha Zurhaidi muncul juara Pertandingan Karaoke Terbuka Karnival Muzik dan Sukan (KAMUS) edisi kedua anjuran Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di tapak Pesta Konvokesyen UPMKB, kelmarin.

Dengan kemenangan itu beliau yang mendedangkan lagu 'I Will Always Love You' berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM600 berserta trofi.

Manakala naib juara Simon Ngadan dengan lagunya 'Cinta Harus Memiliki' menerima hadiah wang tunai RM450 berserta trofi.

Diikuti tempat ketiga Mohamad Khashidan Ibrahim dengan lagunya 'Sisa Rasa' yang menerima hadiah wang tunai RM300 berserta trofi.

Anugerah Khas Juri pula disandang Muhammad Haziq Azni yang membawa lagu 'Ku Ber-

suara'.

Menurut kenyataan UPMKB, pertandingan itu telah menarik ramai peserta berbakat serta telah menyajikan persembahan yang menarik kepada khalayak.

"Pertandingan ini telah bermula 2 November lepas dengan setiap peserta menunjukkan mutu nyanyian tahap tinggi yang memukau penonton dan juri," katanya.

Katanya, panel juri terdiri daripada individu yang berpengalaman dalam bidang muzik dari UPMKB iaitu Mohamad Syukri Mohamad Adnan, Merazan Machang dan Jefry Ismail yang menilai setiap persembahan dengan adil dan profesional.

Justeru katanya, UPMKB merakamkan penghargaan kepada semua penaja dan rakan kerjasama yang memberi sokongan dan menjayakan acara ini dengan penuh gemilang.